



**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
JABATAN TENAGA KERJA SARAWAK**

**SYARAT-SYARAT
LESEN UNTUK MENGAJI PEKERJA BUKAN PEMASTAUTIN
DI BAWAH ORDINAN BURUH (SARAWAK BAB 76)**

1. TUJUAN

1.1 Tujuan dokumen ini adalah untuk memaklumkan berkenaan syarat-syarat lesen oleh Pengarah Tenaga Kerja (selepas ini dirujuk sebagai Pengarah) di bawah Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76) (selepas ini dirujuk sebagai Ordinan) yang terpakai kepada **semua pemegang lesen untuk menggaji pekerja bukan pemastautin**.

2. SYARAT SEPANJANG TEMPOH LESEN

2.1 Seorang pemegang lesen penggajian pekerja bukan pemastautin hendaklah memastikan bahawa:

- i. pekerja bukan pemastautin yang digaji bekerja dalam jawatan yang dinyatakan dalam lesen;
- ii. pekerja bukan pemastautin bekerja di tempat pekerjaan yang dinyatakan di dalam lesen atau tempat pekerjaan yang diluluskan oleh Pengarah Tenaga Kerja; dan
- iii. pekerja bukan pemastautin tidak boleh digaji oleh pihak lain selain daripada pemegang lesen.

3. PEMBAYARAN GAJI MENGIKUT PERINTAH GAJI MINIMUM YANG BERKUAT KUASA

3.1 Seorang pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa kadar gaji yang dibayar kepada pekerja bukan pemastautin, kecuali pekerja domestik adalah seperti berikut:

- i. kadar gaji minimum yang kena dibayar kepada seseorang pekerja adalah mengikut Perintah Gaji Minimum yang sedang berkuat kuasa;

- ii. seseorang pekerja yang tidak dibayar gaji pokok tetapi dibayar gaji berdasarkan kerja, berat tan, tugasan, perjalanan atau komisen, kadar gaji bulanan yang kena dibayar kepada pekerja hendaklah tidak kurang daripada kadar gaji minimum yang sedang berkuat kuasa;
- iii. kadar gaji yang dibayar kepada pekerja bukan pemastautin hendaklah sama seperti yang dibayar kepada pekerja tempatan; dan
- iv. bahawa pekerja bukan pemastautin yang dihantar pulang ke negeri atau negara asal pengambilan, semua gaji yang terakru kepada pekerja hendaklah dibayar sepenuhnya.

4. PEMBERIAN FAEDAH-FAEDAH STATUTORI

- 4.1 Bahawa pekerja bukan pemastautin hendaklah diberi faedah-faedah yang berkenaan sepetimana yang diperuntukkan di bawah undang-undang buruh.

5. POTONGAN GAJI

- 5.1 Bahawa tiada potongan gaji akan dibuat daripada gaji pekerja bukan pemastautin kecuali yang dibenarkan mengikut peruntukan di bawah Ordinan termasuklah tiada potongan gaji boleh dibuat daripada gaji seseorang pekerja bukan pemastautin bagi kos pengambilan pekerja dan penghantaran pulang ke negeri atau negara asal.
- 5.2 Sebarang potongan bukan statutori perlulah mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah.

5.3 Seorang pemegang lesen hendaklah mencarumkan pekerja bukan pemastautin kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Sebagai tambahan, bagi pekerja bukan pemastautin dari Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan dan Semenanjung Malaysia, pemegang lesen hendaklah mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

6. PENGHANTARAN PULANG

6.1 Seorang pemegang lesen adalah bertanggungjawab untuk menguruskan penghantaran pulang pekerja bukan pemastautin seperti yang ditetapkan di dalam Ordinan.

7. PEMAKLUMAN KEPADA PENGARAH TENAGA KERJA

7.1 Seorang pemegang lesen hendaklah **memaklumkan secara bertulis** kepada Pengarah atas keadaan-keadaan seperti berikut:

- i. Apabila pekerja bukan pemastautin yang telah dilesenkan, ditamatkan perkhidmatannya oleh pemegang lesen, pas pengajian yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Sarawak telah tamat tempoh sahnya atau pekerja bukan pemastautin dihantar pulang ke negeri atau negara asalnya, maka pemegang lesen hendaklah dalam tempoh 30 hari dari tarikh penamatan perkhidmatan pekerja memaklumkan kepada Pengarah berkenaan penamatan perkhidmatan pekerja tersebut; dan
- ii. Apabila pekerja bukan pemastautin menamatkan perkhidmatannya dengan majikan atau melarikan diri dari tempat pekerjaannya, pemegang lesen hendaklah dalam tempoh 14 hari dari tarikh pekerja berhenti kerja atau melarikan diri, memaklumkan kepada Pengarah berkenaan perkara tersebut.

8. PEKERJA BUKAN PEMASTAUTIN MELARIKAN DIRI

8.1 Seorang pemegang lesen hendaklah membuat laporan serta merta kepada Polis Diraja Malaysia mengenai pekerja bukan pemastautin yang didapati melarikan diri dari tempat pekerjaan yang dinyatakan di dalam lesen;

9. PEMBATALAN LESEN PENGGAJIAN PEKERJA BUKAN PEMASTAUTIN

9.1 Pengarah boleh membatalkan lesen untuk menggaji pekerja bukan pemastautin dengan serta merta dalam keadaan seperti berikut:

- i. telah melakukan perlanggaran peruntukan di bawah Ordinan atau apa-apa perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Ordinan;
- ii. telah gagal untuk mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan untuk lesen yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) seksyen 119, dan perenggan (n) subseksyen (2) seksyen 130O;
- iii. syarikat telah dibubarkan atau digulung mengikut peruntukan di bawah Akta Syarikat 2016 (Akta 777);
- iv. telah menghentikan operasi perniagaan;
- v. telah menamatkan perkhidmatan semua pekerja bukan pemastautin dalam lesen;
- vi. telah disabitkan bagi kesalahan di bawah:
 - a. Ordinan atau Kaedah yang dibuat di bawah Ordinan;
 - b. apa-apa undang-undang bertulis berkaitan perburuhan dan kebajikan sosial;
 - c. apa-apa undang-undang bertulis berkaitan keselamatan dalam negeri;

- d. apa-apa undang-undang bertulis berkaitan pemerdagangan orang dan buruh paksa; ATAU
 - e. apa-apa undang-undang bertulis yang berkuatkuasa berkaitan dengan imigresen.
- vii. telah gagal mematuhi apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Pengarah Tenaga Kerja di bawah Ordinan; ATAU
- viii. telah mengemukakan maklumat palsu bagi mendapatkan lesen untuk menggaji pekerja bukan pemastautin.

10. PEMBAHARUAN LESEN

- 10.1 Seorang pemegang lesen hendaklah mengemukakan permohonan untuk memperbaharui lesen dalam tempoh enam puluh (60) hari sebelum tamat tempoh sah lesen.
- 10.2 Semua pekerja yang telah tamat tempoh lesen hendaklah dihantar pulang ke negeri atau negara asal pengambilan. Tindakan undang-undang akan diambil ke atas pemegang lesen sekiranya terus menggajikan pekerja bukan pemastautin tanpa lesen yang sah.

11. PINDAAN SYARAT-SYARAT LESEN

- 11.1 Pengarah boleh mengenakan apa-apa syarat tambahan ke atas lesen itu atau mengubah atau membatalkan apa-apa syarat yang dikenakan ke atas lesen itu dari semasa ke semasa dan semasa sesuatu lesen itu masih berkuat kuasa.
- 11.2 Bahawa syarat lesen ini adalah tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa oleh Pengarah.

12. TARIKH KUAT KUASA

12.1 Syarat-syarat ini **berkuat kuasa serta merta**.

13. RUJUKAN

13.1 Sekiranya terdapat sebarang kemasukan atau pertanyaan berhubung perkara ini, sila hubungi Bahagian Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin, Ibu Pejabat, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak.

A handwritten signature consisting of a large circle on the left connected by a horizontal line to a smaller, more stylized character on the right.

(AWANG RADUAN BIN AWANG OMAR)

Pengarah Tenaga Kerja Sarawak
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak

Tarikh: 21 Mei 2025